

Ilmu Mantra dalam Amalan Masyarakat Melayu

Science of Mantra Practiced by the Malays

YUSRI MOHAMAD RAMLI*¹

ABSTRACT

Mantra śāstra is a tantric science that involves knowledge and methods related to word and speech. Although it is to some degree religious in connection with being a tool to communicate with the divine within Hindu and Buddhist traditions, the ancient Malays have a very intense attitude towards its practical aspect. The invention of a huge number of poetical genres as well as the prevalence of incantation in traditional medicine shows a very strong mastery of mantric skills. The technical aspect offered by these arts shaped the very skillful competency in language and literature among the Malays. This article is an attempt to explore to what extent the science of mantra is already been practiced in the past among the Malays.

Keywords: Malay, mantra, poetry, tantra, traditional medicine

PENGENALAN

Kearifan tempatan masyarakat Melayu dicorakkan dengan pelbagai tradisi sejak zaman berzaman. Di samping adat setempat turun temurun, masyarakat Melayu turut mendapat pengaruh daripada peradaban Hindu dan Buddha, sebelum kemudiannya menerima pengaruh Islam dan kebudayaan Timur Tengah khususnya Arab dan Parsi (Winstedt 1951).

Salah satu kearifan yang penting dalam pengetahuan dan pengamalan masyarakat Melayu ialah tantra yang pada asasnya berasal daripada agama Hindu dan Hindu yang turut melalui proses asimilasi dengan adat tempatan dan agama Islam. Tradisi tantrik berkembang dengan meluas dalam masyarakat Melayu walaupun setelah kedatangan Islam (Mohd. Taib Osman 1967).

Tantra ialah suatu keilmuan bersifat ritual dan teknikal yang berkembang dalam tradisi Hindu-Buddha. Walaupun ia dikait dengan agama Hindu, masyarakat Melayu yang dahulunya beragama Hindu tetap mengekalkan tradisi tantrik walaupun setelah memeluk agama Islam dalam pengamalan yang pelbagai

Tantra terdiri daripada empat komponen utama iaitu pengetahuan (*jñāna*), latihan fizikal dan mental (*yoga*), ritual (*kriyā*), dan amalan (*charyā*). Tantra pada asasnya tertumpu pada mengamalkan amalan dan menghayatinya dalam kehidupan. Antara teknik-teknik tantra ialah *mantra*, *nyāsa*, *mudrā*, *yoga*, *dīkṣā*, *pūjā*, dan *maṇḍala* (Chakravarti 1963:3-6; Gupta et al. 1979:90-117). Dari sudut aplikasi, tantra dapat digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk kerohanian, kesusasteraan, kesihatan, perubatan, seni bela diri, psikologi, seni bina,

¹ Yusri Mohamad Ramli * Ph.D. (Corresponding Author), Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: yusri_mr@ukm.edu.my

seni ukir, mahupun kemahiran-kemahiran ikhtisas yang lain (Padoux 2017; Evola 1992; Feuerstein 1998).

Walau bagaimanapun, tantra menjadi suatu yang sering dipertikaikan khususnya dalam hubungannya dengan agama Islam. Sebahagian beranggapan semua tradisi Hindu termasuk tantra adalah bercanggah dengan Islam dan adalah warisan lama Hindu-Buddha yang perlu ditinggalkan. Sementara sebahagian yang lain melihat tantra sebagai suatu tradisi keilmuan teknikal yang tidak bercanggah malah perlu dipertahankan sebagai sebahagian jati diri Melayu dengan hanya cukup dengan menyaring perkara-perkara yang bertentangan aqidah dan syarak (Mohd. Taib Osman 1967).

Ilmu mantra ialah kaedah tantra yang paling penting dan paling popular secara global dan lokal khususnya kalangan masyarakat Melayu pada suatu masa dahulu walaupun pada masa kini sudah dianggap tidak penting dan hampir tiada golongan yang benar-benar mendalaminya. Walaupun dari sudut amalan masa kini boleh dikatakan masih ada namun ia telah berkurang dari semasa ke semasa. Pengaplikasian terpenting seni mantra kalangan masyarakat Melayu banyak tertumpu pada dua perkara iaitu pertama dalam mengarang ayat untuk berdoa atau berjampi dan kedua dalam menggubah puisi seperti pantun, syair, gurindam, nazam, seloka, teka teki, dikir, bidalan, pepatah, perumpamaan, dan sebagainya.

ASAS-ASAS ILMU MANTRA

Sepintas lalu, ilmu mantra atau *mantra śāstra* boleh dianggap sebagai ilmu berkait bahasa, namun ia lebih menumpu terhadap keberkesannya. Justeru, ia juga secara khusus dapat dikaitkan dengan ilmu retorik atau penyampaian atau secara umum dengan ilmu komunikasi. Walau bagaimanapun, ilmu mantra melangkaui lebih daripada semata-mata kaedah-kaedah berbahasa dan teknik-teknik mempengaruhi telinga pendengar atau menyampaikan mesej kepada penerima komunikasi. Di samping turut menekankan aspek tatacara, kesopanan, dan estetika berbahasa, ia pergi lebih jauh dalam mempengaruhi aspek pekerti, watak, kelakuan, fikiran, dan kejiwaan. Dalam erti kata lain, ilmu mantra menumpu kepada aspek 'budi bahasa'.

Mantra secara intipatinya bermaksud ucapan, bunyi, huruf, perkataan, atau ayat (Gupta et al. 1979). Asas paling utama dalam ilmu mantra ialah konsep perkataan (*vāk*). Perkataan tidak hanya terhad kepada strukturnya sahaja, tetapi juga bunyinya. Justeru, perkataan mempunyai kesannya sama ada tersurat atau tersirat. Apabila sesuatu perkataan dibunyikan yakni disebutkan, ia akan didengari yakni ditanggapi oleh pendengaran zahir. Namun, ia tidak terhad kepada semata-mata didengari oleh telinga, bahkan intipati perkataan yang bersifat maknawi turut sama memberi kesan kepada kesedaran mental dan jiwa manusia. Prinsip ini dianggap sebagai tradisi kuno yang wujud bersama-sama dengan perkataan yang azali dan abadi iaitu perkataan Tuhan (*śabda*). Justeru, perkataan Tuhan yang memberi kesan penciptaan mencitrakan asas-asas terpenting dalam memahami tata dan kesan perkataan manusia yang hakikatnya diciptakan oleh Tuhan dan tertakluk kepada kuasa dan kehendak Tuhan (Woodroffe 1955). Justeru perkataan mempunyai dayanya tertentu yang tidak terhad kepada perkataan manusia, bahkan perkataan maknawi daripada makhluk lain seperti haiwan, tumbuhan, dan sebagainya yang berkomunikasi dengan cara tersendiri (Gupta et al. 1979).

Secara asasnya, minda manusia mempunyai pemahaman (*pratyaya*) tentang sesuatu objek (*artha*) dan menamakan objek tersebut dengan sesuatu perkataan (*śabda*). Walaupun ia dilihat sebagai tiga perkara berbeza, namun hakikatnya ia adalah suatu perkara yang sama cuma

dari sudut yang berbeza. Dalam erti kata lain, perkataan ialah manifestasi kepada makna atau idea. Oleh itu, penuturan sesuatu perkataan ialah penyampaian sesuatu makna. Apabila sesuatu makna disampaikan, maka ia menghasilkan kesedaran (*cita*) dalam diri manusia. Justeru bayi yang masih belum bertutur dan bahkan semua makhluk termasuk haiwan dan tumbuhan turut mempunyai kesedaran untuk menerima sesuatu makna walaupun belum atau tidak mampu menyebutkan perkataannya. Dari sudut perkembangan bahasa seseorang manusia, penerimaan sesuatu makna oleh seseorang bayi bermula daripada penyamaan antara makna dan objek sehinggalah kemudiannya apabila kemampuan perkataan semakin berkembang selari umurnya, maka pencerakinan antara pemahaman dan objek menjadi semakin jelas (Woodroffe 1955). Lama kelamaan, minda (*manas*) bayi tersebut menjadi semakin cekap dan tajam dalam tanggapannya. Dalam erti kata lain perkataan ialah peralihan dari suatu minda manusia kepada minda manusia yang lain. Semakin terlatih menerima dan menyampaikan perkataan, maka semakin berkembang mindanya. Justeru ilmu mantra juga pada asasnya ialah ilmu tentang instrumen pemikiran iaitu perkataan. (Gupta et al. 1979).

Perkataan pada asasnya berbunyi pasif, namun dengan pergerakan *nāda* (intonasi bunyi), ia menjadi suatu bunyi yang aktif yang memangkin lagi penyampaian dan keberkesanan perkataan. Justeru dengan nada, maka komunikasi mencapai lingkungan titik sasarannya (*bindu*). Daripada pelbagai perkataan dituturkan dan makna ditanggapi tentang sesuatu objek, maka ia menyatu kepada suatu sasaran yang sama. Walaupun, komunikasi manusia tidak selalunya tepat secara tuntas, namun dengan semakin terarah tatacara dan kemahirannya, maka *bindu* akan tercapai dan sekaligus menghasilkan komunikasi yang baik dan berkesan (Woodroffe 1955). Dalam kata lain, *nada* berperanan sebagai upaya fonik yang menjelmakan perkataan kepada suatu daya vokal supaya ia mencapai sasaran tanggapan pendengarnya (Gupta et al. 1979).

Selain itu, banyak lagi prinsip dan kaedah mantra seperti aksara yakni huruf vokal (*bija*) dan konsonan (*yoni*), penyebutan, penekanan, penggunaan sajak atau rima, permainan kata, pengulangan kata (*japa*), makna ganda (*sandha bhāsā*), dan sebagainya. Golongan yang menguasai ilmu dan kemahiran mantra melalui kepatuhan terhadap hukum mantra, bimbingan guru, latihan berterusan, mahupun daya mantra itu sendiri dianggap telah mencapai kepakaran mantra (*mantra siddhi*) (Gupta et al. 1979).

MANTRA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Ilmu atau seni mantra adalah antara subjek yang menjadi tumpuan penting dalam penelitian ramai pengkaji bidang etnografi semasa zaman penjajahan British. Ia dilakukan dalam rangka mengamati cara kehidupan dan budaya masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Aspek aplikasi yang sering menjadi perhatian ialah dalam perubatan tradisional atau perbomohan.

Walter William Skeat dalam kajiannya terhadap masyarakat Melayu di Selangor memperlihatkan pengamalan mantra yang meluas. Skeat (1898) dalam pemerhatiannya dalam beberapa siri upacara kepawangan bagi mendoakan keberhasilan usaha pertanian, mendapati bahawa pembacaan mantera atau jampi menjadi antara kaedah paling lazim digunakan disamping penggunaan tumbuhan dan herba.

Menurut Skeat (1900) walaupun sesuatu mantera yang dibaca oleh pawang atau bomoh lazimnya disertai dengan basmalah, syahadah atau selawat, namun terdapat pengaruh budaya tantra Hindu yang kuat khususnya melalui kepercayaan terhadap semangat dan hantu yang

dianggap perlu dihormati atau ditakuti. Mason (1900: 466) melihat kajian Skeat ini dilakukan dengan amat cemerlang yang dapat menganalisis peradaban dan pengetahuan dalam bidang perubatan, falsafah, dan sains alam yang wujud dalam masyarakat Melayu walaupun mungkin secara kasarnya sering dilihat semata-mata sebagai suatu kepercayaan karut dan primitif.

Manakala pemerhatian John Desmond Gimlette (1929) di Kelantan turut mendapati penggunaan mantra yang meluas sebagai salah satu kaedah perubatan dengan pemain utama hal ini iaitu bomoh atau pawang memelihara tradisi ini secara turun temurun. Walaupun mantra secara teknikalnya dibawa daripada tradisi Hindu, namun ia menyerapi tradisi animisme setempat dan kemudiannya dengan tasawuf Islam. Gimlette (1929: 107-108) melihat bahawa tasawuf aliran Ibn Arabi khususnya ajaran Hamzah Fansuri dan Shamsuddin Pasai yang dikaitkan dengan pelbagai ilmu tantra sering didakwa sebagai menyeleweng. Justeru, perubatan tradisional walaupun sekaligus sering dianggap menyeleweng daripada ajaran ortodoks Islam.

Winstedt (1961: 19) melihat bahawa mantra yang lazimnya digunakan dalam institusi kepawangan secara umumnya adalah tradisi tempatan yang bersulam antara agama Hindu dan Islam. Menurut Winstedt (1961: 26-33), banyak bukti yang berkait rapat dengan amalan mantra seperti amalan perubatan tradisional seperti Main Puteri di Kelantan yang merupakan bukti jelas yang memperlihatkan tradisi tantra berasimilasi dengan tradisi Tasawuf dalam amalan doa dan perubatan. Justeru Winstedt (1922) menyetujui bahawa terdapat hubungan yang erat antara amalan tantrik masyarakat Melayu dengan tasawuf khususnya aliran Ibn 'Arabi melalui penyesuaian tertentu. Dalam maksud lain, Winstedt (1950) menjelaskan bahawa kemahiran tantrik khususnya pembacaan mantra yang berasal daripada zaman Hindu diteruskan dengan bentuk baharu yang berwajah Islam.

Pandangan para sarjana terdahulu bahawa keilmuan masyarakat Melayu bergabung jalin antara kepercayaan tempatan turun temurun, agama Hindu, dan agama Islam khususnya Tasawuf dipersetujui oleh Mohd. Taib Osman (1967; 1972). Dalam penelitian beliau yang memberikan perhatian terhadap sejarah institusi perbomohan dan kepawangan melihat bahawa elemen tantrik khususnya mantra memberi pengaruh terpenting. Setelah kedatangan Islam kearifan tantrik Hindu berasimilasi dengan Tasawuf. Justeru, Mohd. Taib Osman (1967: 108) turut melihat bahawa amalan perbomohan amat berkait rapat dengan tasawuf aliran falsafah khususnya melalui Shaykh Hamzah Fansuri.

Vladimir Iosifovič Braginsky yang banyak menumpukan penelitian terhadap Hamzah Fansuri turut mengkaji pengamalan mantra masyarakat Melayu. Dalam perhatiannya terhadap mantra, Braginsky (2006) melihat nilai keberkesanaan mantra yang dibentuk secara kepuisian adalah berpaksi kepada penyusunan bunyi dan perkataan secara anagramatik yakni perkataan yang seakan sama atau berbunyi sama yang berulang dalam sesuatu puisi mantra. Beberapa syair yang dikarang oleh pengikut-pengikut yang mendapat pengaruh daripada Hamzah Fansuri diteliti oleh Braginsky bagi membuktikan hal ini yang sekaligus menunjukkan keilmuan mantra masyarakat Melayu adalah sangat rinci di samping terdapat hubungan yang mapan antara tasawuf dan tradisi tantra dalam masyarakat Melayu.

Braginsky (2004; 2007; 2017) melihat bahawa terdapat paduan yang mapan antara amalan tantra dengan Tasawuf dalam beberapa karya Tasawuf sama ada secara prosa atau puisi. Walaupun Hamzah Fansuri mengkritik amalan tantra dengan pelbagai teknik yang hanya mengejar tujuan-tujuan yang rendah, namun karya-karya Hamzah Fansuri dan karya-karya para penulis yang mendapat pengaruh daripada Hamzah Fansuri mempunyai unsur tantrik

khususnya seni mantra yang tinggi. Lalu tidak menghairankan, Hamzah Fansuri berjaya menghasilkan suatu genre baru puisi Melayu yang dipanggil sebagai syair yang menggabungkan tradisi mantrik pantun Melayu dengan pengaruh Arab dan Parsi. Braginsky (2006) melihat keberkesanaan mantra berpaksi pada penyusunan bunyi dan perkataan secara anagramatik yakni yang seakan sama dan berulang dalam sesuatu puisi mantra. Beberapa syair karangan pengikut-pengikut Hamzah Fansuri membuktikan hal ini sekaligus menunjukkan nuansa keilmuan mantra masyarakat Melayu yang mapan.

KESIMPULAN

Secara umumnya, belum ada kajian yang benar-benar menyelidiki secara terperinci dan mendalam mengenai amalan mantra secara teknikal dalam masyarakat Melayu. Kajian-kajian yang ada terkait tentang teknik-teknik mantra lazimnya diteliti dari sudut tradisi perbomohan, kepawangan, atau perubatan tradisional semata-mata. Namun, masih belum banyak yang meneliti secara mendalam pengaplikasian mantra secara kesusasteraan. Justeru, perhatian secara mikro terhadap mantra dapat mencerakinkan segala nuansa kerincian yang dapat dimanfaatkan secara aplikasi pada masa hadapan.

Tidak dinafikan bahawa prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah mantra pada asasnya dibentuk sebagai suatu tatacara komunikasi dengan Tuhan dalam berdoa, namun prinsip dan kaedah yang sama juga terpakai dalam komunikasi antara manusia dan manusia yang juga tertakluk kepada hukum perkataan yang sama. Justeru, masyarakat Melayu pada zaman dahulu dilihat berupaya meyaring dan mengekstrak hukum-hukum ini dalam pengaplikasiannya dalam berkomunikasi dan bersastera sehingga menghasilkan beraneka genre puisi Melayu termasuk pantuan, seloka, syair, gurindam, dan sebagainya. Budaya dan kemahiran berpuisi yang kuat menunjukkan penguasaan mantra yang sangat mapan dalam kalangan masyarakat Melayu. Walaupun sejauh mana pengetahuan secara teknikal yang ada tidak dapat dipastikan, namun secara praktikalnya, masyarakat Melayu adalah sangat terkehadapan.

Pemaparan ini diharap dapat memberikan suatu perspektif baru dalam melestarikan kearifan tempatan dan kebudayaan tradisional Melayu, sekaligus mengukuh kefahaman budaya dan adat resam serta memperkukuh integrasi dan meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat. Suatu ciri yang tidak asing bagi masyarakat Melayu ialah menanggapi setiap perkara sebagai 'ada maknanya'. Namun, sejauh mana makna itu difahami dan bagaimana untuk memahaminya serta apatah lagi untuk menciptakan makna dan menyampaikannya adalah suatu seni dan kemahiran yang semakin luput ditelan zaman. Jika dahulunya seni mantra menciptakan kemahiran dan budaya pantun sehingga masyarakat Melayu menjadi bangsa yang paling pakar berpuisi di rantau Asia Tenggara sehingga menerbitkan pula pelbagai variasi puisi yang lain, mantra sebagai suatu ilmu komunikasi Melayu masih mempunyai penawaran untuk peluang inovasi pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Tulisan ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai melalui Geran Galakan Penyelidik Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia (Kod Projek: GGPM-2022-022).

RUJUKAN

- Braginsky, Vladimir. 2004. The science of women and the jewel: The synthesis of Tantrism and Sufism in a corpus of mystical texts from Aceh. *Indonesia and the Malay World* 32(93): 141-175.
- Braginsky, Vladimir. 2006. Meaning of the sound: Magic and Sufi mysticism in the phonic structure of the Malay charm and chant. *Indonesia and the Malay World* 34(100): 281-314.
- Braginsky, Vladimir. 2007. *...And Sails the Boat Downstream: Malay Sufi Poems of the Boat*. Leiden: Department of Languages and Cultures of Southeast Asia and Oceania, University of Leiden.
- Braginsky, Vladimir. 2017. The manner of the Prophet - concealed, found and regained. *Indonesia and the Malay World* 45(132): 250-291.
- Chakravarti, Chintaharan (1963). *The Tantras: Studies on Their Religion and Literature*. Calcutta: Punthi Pustak.
- Evola, Julius. 1992. *The Yoga of Power: Tantra, Shakti, and the Secret Way*. Terj. Guido Stucco. Rochester, Vermont: Inner Traditions International.
- Feuerstein, Georg. 1998. *Tantra: The Path of Ecstasy*. Boston: Shambhala Publication.
- Gimlette, John D. 1929. *Malay Poisons and Charm Cures*. Ed. ke-3. London: J. & A. Churchill.
- Gupta, Sanjukta, Hoens, Dirk Jan & Goudriaan, Teun. 1979. *Hindu Tantrism*. Leiden: E.J. Brill.
- Mason, O. T. 1900. Review: Malay Magic by Walter William Skeat. *Science* 11(273): 466.
- Mohd. Taib Osman. 1967. Indigenous, Hindu, and Islamic Elements in Malay Folks Beliefs. Tesis Dok. Fal., Universiti Indiana.
- Mohd. Taib Osman. 1972. Patterns of supernatural premises underlying the institution of the Bomoh in Malay culture. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 128(2-3): 219-234.
- Padoux, André. 2017. *The Hindu Tantric World: An Overview*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Skeat, Walter William. 1898. Some records of Malay magic by an eye-witness. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 31: 1-41.
- Skeat, Walter William. 1900. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. London: Macmillan and Co, Ltd.
- Winstedt, R. O. 1922. A Malay pantheist charm. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 86: 261-267.
- Winstedt, R. O. 1950. A Relic of Śāktism in Muslim Malaya. *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland* 3-4: 163-165.
- Winstedt, R. O. 1951. *The Malay Magician: Being Shaman, Saiva, and Sufi*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Winstedt, Richard. 1961. *The Malays: A Cultural History*. Ed. ke-6. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Woodroffe, John. 1955. *The Garland of Letters (Varnamālā): Studies in the Mantra-Śāstra*. Madras: Ganesh & Co., Ltd.